



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MENGHAYATI RAMADAN – MENJAUHI MAKSIAT BATIN"

7 Mac 2025 / 6 Ramadan 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ^۱ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ، وَفَرَضَ عَلَيْنَا الصَّلَاةَ وَالصِّيَامَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْأَعْلَامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَهُوَ خَيْرُ
الْأَنَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ^۲ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُم
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ^۳ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya; semoga dipermudahkan perhitungan kita di Padang Mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dicucuri rahmat Ilahi menjadi penghuni syurga Nya. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"MENGHAYATI RAMADAN – MENJAUHI MAKSIAT BATIN"

Firman Allah SWT, ayat 102 surah Ali Imran:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسَالِمُونَ ﴾ ۱۰۲

Bermaksud: Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Alhamdulillah, pada hari ini kita telah pun melaksanakan ibadah puasa pada hari keenam; semoga kita semua terus diberi kekuatan dan bimbingan Ilahi untuk cekal menjalani ibadah puasa sehingga ke penghujung Ramadan.

Ramadan menuntut umat Islam menghayati kelebihan dan keistimewaannya. Ibadah puasa sebagai contoh memiliki keunikan; di mana umat Islam bukan sahaja menahan diri dari makan dan minum malah wajib menjauhkan diri dari segala jenis maksiat

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



merangkumi niat dan perlakuan buruk di samping mengamalkan akhlak mulia; menyebabkan berlakunya proses pembersihan jiwa yang membolehkan diri mencapai sinar ketakwaan sekali gus membentuk sahsiah terpuji.

Maksiat batin merujuk kepada dosa-dosa atau kesalahan yang terbit dari hati dan fikiran seseorang merangkumi perkara yang diniatkan, sifat-sifat keji dan sangkaan buruk yang tidak terlihat secara zahir tetapi dianggap sebagai dosa kerana melibatkan fungsi hati dan pemikiran yang menyimpang dari ajaran Allah SWT. Antara contoh maksiat batin adalah sifat sompong, riak, hasad dengki, pendendam, menyukai pangkat dan jawatan, banyak makan, kuat marah dan sebagainya. Maksiat batin perlu dijauhi; bersifat api yang memusnah dan merosakkan amal ibadah dan menjauhkan kita daripada rahmat Allah SWT.

Jemaah yang dikurniai fadilat Ilahi,

Bagaimanakah penghayatan ibadah puasa dapat menjauhi maksiat batin?

Pertama: Puasa mengukuhkan kesedaran dan pengawasan diri (*muraqabah*)

Puasa difardukan ke atas orang-orang yang beriman. Hubung kait antara iman dan puasa menjadikan individu berkenaan sedar bahawa dia sedang melaksanakan ibadah kepada Tuhan yang Maha Melihat dan Maha Mengetahui perbuatannya. Maka puasa berupaya melatih hati – mendidik diri agar tidak melakukan perkara yang membantalkan puasa sekali pun ketika borseorangan, melatih hati untuk sentiasa bersangka baik – menjauhi syak wasangka, melatih lidah untuk berkata perkataan yang benar di samping menjauhi perbuatan mengumpat, memfitnah, mengawal pancaindera daripada mendengar dan melihat perkara yang diharamkan syarak serta melatih diri melaksanakan tugas dengan telus dan amanah lalu menjauhi perbuatan sambil lewa, culas, mengambil dan memberi rasuah, melakukan penipuan dan penyelewengan sekali pun tidak dilihat manusia.

Kedua: Puasa medan menundukkan nafsu dan syahwat (*mujahadah*)

Dalam era dunia tanpa sempadan, kita mudah terdedah kepada godaan nafsu syahwat yang boleh membawa kepada perlakuan maksiat, khususnya yang disebarluaskan melalui pelbagai media sosial. Namun kehadiran Ramadan, ummah dapat merasakan perbezaan suasana, di mana syiar Islam, perkongsian bahan-bahan keagamaan disebarluaskan dengan meluas. Tambahan pula, syaitan yang menghasut manusia dibelenggu pada bulan ini.



Maka kesempatan ini mengupayakan ummah untuk bermujahadah mendidik dan mengawal hawa nafsu mengelakkan pembaziran ketika membeli dan menyediakan juadah berbuka puasa yang mengakibatkan kekenyangan terlampau sehingga tubuh menjadi berat dan berasa malas untuk pergi menunaikan solat fardu dan solat sunat tarawih di masjid.

Amat beruntung bagi mereka yang menjadikan Ramadan sebagai kesempatan untuk menambah ketaatan dan membersihkan hati dengan amalan soleh. Firman Allah SWT ayat 7 hingga 10 surah al-Syams:

﴿ وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّنَهَا ﴾ۚ فَأَلْهِمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَدَهَا ﴾ۗ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّهَا ﴿ۑ ۚ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ﴿ے ۚ

Bermaksud: Dan demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadian (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Lalu mengilhamkannya (untuk mengenal jalan) yang membawa kepada ketakwaan. Sesungguhnya telah berjaya orang yang menyucikan jiwanya (dengan iman dan amalan soleh). Dan sesungguhnya telah rugi orang yang mengotorinya (dengan sebab maksiat).

Ketiga: Puasa melebur sifat-sifat mazmumah (*muhasabah*)

Ibadah puasa berupaya melentur sifat-sifat mazmumah seperti sompong, bangga diri atau sifat merasa diri hebat dengan pangkat, harta dan jawatan. Dengan menahan lapar dan dahaga, hati dan perasaan dididik dan dimuhasabah untuk lebih berasa simpati dan berlaku ehsan kepada golongan fakir miskin dan nasib mereka yang kurang berkemampuan di samping membentuk sifat-sifat murni seperti sikap murah hati dan merendah diri. Galakan bersedekah, menaja berbuka puasa dan menunaikan zakat fitrah adalah antara kaedah menzahirkan empati akan keadaan orang-orang yang susah. Ummah diperingatkan akan keburukan sifat *takabbur* seperti sabda Rasulullah SAW:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبْرٍ

Bermaksud: Tidak akan masuk syurga seseorang yang di dalam hatinya mengandungi sebiji zarrah dari kesombongan.
(Hadis Riwayat Muslim)



Penghayatan ibadah puasa yang sebenar turut melunturkan sifat riak (menunjukkanjuk ibadah) kerana tidak ada apa yang hendak dipertontonkan dalam ibadah puasa kepada manusia. Hal ini kerana pada zahirnya tiada beza antara seorang yang berpuasa atau tidak ketika di khalayak ramai. Hanya Allah SWT dan kita sendiri yang tahu sama ada kita benar-benar sedang berpuasa atau tidak, khususnya ketika dalam keadaan bersendirian. Apabila tahap keikhlasan ditingkatkan, seseorang muslim akan beribadah semata-mata kerana Allah SWT dan hanya mengharapkan pembalasan daripada Nya semata-mata. Maka hasilnya, dosa-dosanya yang lalu akan diampunkan oleh Allah SWT selaras sabda Rasulullah SAW:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنبٍ

Bermaksud: "Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu." (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Kesimpulannya, Ramadan adalah bulan di mana kita dituntut berusaha meningkatkan amalan ibadah kita, seperti solat fardu dan sunat, membaca al-Quran, berzikir dan berdoa. Semua amalan ini bertujuan untuk mendekatkan diri kita kepada Allah SWT dan membersihkan hati kita dari segala maksiat batin. Maka, marilah kita memperbanyakkan doa dan istighfar di bulan Ramadan ini, agar Allah SWT mengampunkan dosa-dosa kita dan membersihkan hati kita dari segala maksiat zahir dan batin.

**بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.**



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ⁷.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Bimbing kami untuk mentaati dan bertakwa kepada Mu dengan sebenar-benar takwa sama ada zahir dan batin atau ketika di khalayak ramai dan ketika bersendirian. Dorongkan kami mudah memperbanyakkan amalan soleh di bulan ini di samping menjauhi segala perbuatan yang mengurangkan pahala ibadah puasa kami agar kami termasuk dalam kalangan hamba Mu yang benar-benar bertakwa.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِلَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمُ يَذْكُرُهُمْ
وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّهُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ.